

CNS9570

U GB 12-12 00132 BA919

bah

PM MAHU REMIMPIN KESATUAN, RAKYAT KEKAL SIKAP SEDERHANA

Mahathir - MBK

KUALA LUMPUR, 12 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu rakyat Malaysia khususnya pemimpin kesatuan sekerja mengekalkan sikap kesederhanaan mereka, yang menurutnya, kunci kepada kejayaan yang dikecapi negara sekarang.

Perdana Menteri berkata rakyat kini boleh berbangga dengan kejayaan Malaysia, yang dianggap luarbiasa oleh banyak negara luar:

Katanya walaupun gaji pekerja di negara maju seperti di Eropah lebih tinggi daripada pekerja Malaysia tetapi taraf kehidupan rakyat negara ini lebih baik daripada mereka.

+Kejayaan kita hasil sikap kesederhanaan yang diamalkan oleh rakyat Malaysia khususnya para pekerja kita...sebab itu, kita harus lekalkan sikap ini,+ katanya ketika melancarkan struktur baru Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) di sini hari ini. -- Lagi

▼12/12/12-00MST

CNS9591

U GB 12-12 00205 BA920

bah

Mahathir - MBK 2 Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata sikap kesederhanaan rakyat itu juga telah menjamin kestabilan politik di negara ini yang sekaligus membawa pembangunan pesat di bidang ekonomi.

Di bawah struktur baru MBK itu, yang disesuaikan dengan keperluan sistem gaji baru sektor awam, Sistem Saraan Baru (SSB), kerajaan menghapuskan lima MBK yang ditubuhkan sejak 1979 dan menggantikannya dengan majlis-majlis baru bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional; Sains dan Teknologi bagi kakitangan Kumpulan Sokongan dan Pekerja-pekerja Am Kumpulan Sokongan.

MBK adalah jentera perundingan yang dianggotai oleh pegawai-pegawai kerajaan dan para pemimpin kesatuan sektor awam untuk membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan gaji dan syarat-syarat perkhidmatan kerajaan.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir menarik perhatian kepada tindakan perusahaan menuntut kenaikan upah yang berlaku di negara maju dan juga rusuhan-rusuhan kaum yang banyak dihebahkan oleh media massa yang menurut beliau menyebabkan keadaan politik tidak stabil dan kemerosotan ekonomi di negara itu.

'Sambil menyarankan rakyat Malaysia mengambil iktibar daripada kejadian-kejadian itu dan tidak terikut-ikut dengannya, beliau berharap rakyat termasuk pemimpin kesatuan tidak bersikap terlalu emosional dalam memperjuangkan tuntutan mereka.

+Alhamdulillah, rakyat Malaysia tidak ganas, tidak-emosional dan sentiasa menggunakan sikap rasional dan tahu menggunakan demokrasi,+ katanya. -- Lagi

▼12/12/12-43MST

CNS9602

U GB12-1200187 BA923

bah

Mahathir - MBK 3 Kuala Lumpur

Dr Mahathir juga mengingatkan kesatuan sekerja supaya bersikap matang dan berhati-hati dalam sebarang tuntutan kenaikan gaji kerana kenaikan gaji, yang menyebabkan kenaikan harga barang-barang lain, tidak akan memberi sebarang malna.

Kerajaan tidak akan menghalang kenaikan gaji para pekerja kerana ia merupakan hak mereka, katanya sambil mengingatkan bahawa sebarang kenaikan gaji perluterus menjamin kebolehan daya saing barang keluaran negara dan disertai dengan peningkatan produktiviti.

Dr Mahathir memberi contoh barang-barang keluaran oleh negara-negara Eroyah kurang daya saingnya kerana kos pengeluaran yang tinggi, disebabkan oleh kadar upah yang tinggi.

Katanya, kerajaan melaksanakan SSB, yang berkuatkuasa 1 Jan 1992 dan menyediakan gaji yang lebih tinggi kepada yang berprestasi tinggi, untuk berlaku adil dan menggalakkan kakitangan kerajaan meningkatkan produktiviti.

+Kalau dulu, gaji (kenaikan tahunan) naik secara automatik... biar orang itu baik atau tidak baik... yang dalam +cold storage- pun naik gaji juga, + kata beliau.

SSB memperuntukkan kadar kenaikan tahunan yang berbeza ke kalangan kakitangan kerajaan dengan mereka yang berprestasi tinggi diberi kenaikan terbesar manakala yang tidak menyumbang akan dikekalkan gaji mereka. -- Lagi

▼12/12/13-12MST

CNS9608

U GB 12-12 00134 138926

bah

Mahathir - MBK 4 (akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir juga berkata bahawa beliau sedar ada di kalangan pemimpin kesatuan sektor awam yang tidak puashati dengan struktur baru MBK itu.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan bahawa perubahan itu perlu bagi menyesuaikan forum MBK dengan keperluan sekarang dan berharap pegawai kerajaan dan pemimpin kesatuan yang menganggotai ketiga-tiga majlis itu bekerjasama erat bagi menjamin kelancaran dan keberkesanan MBK.

Beberapa pemimpin kesatuan dalam badan berkanun dan kuasa-kuasa tempatan tidak bersetuju dengan struktur baru itu kerana ia menghapuskan MBK bagi badan berkanun dan kuasa-kuasa tempatan dan telah memulaukan MBK baru itu,

Pada majlis itu, Perdana Menteri menyampaikan surat perlantikan kepada anggota pihak pegawai ketiga-tiga MBK itu.

Wakil-wakil pihak pekerja telahpun dilantik pada 25 Jun lepas. --
Bernama

▼12/12/13-23MST